

Kuala Lumpur

Penduduk rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluahkan rasa puas hati apabila dapat memiliki unit itu, sekali gus meringankan beban mereka.

Penduduk, Norsiah Jamali, 44, berkata, dia berpuas hati selama 14 tahun menetap di Flat PPR Pantai Ria, Lembah Pantai dekat sini, disebabkan ciri kemudahan asas disediakan DBKL.

“Saya bersyukur dengan kemudahan asas yang di-



Saya memiliki enam anak dan seorang menantu. Semuanya tinggal bersama saya namun mereka tidak pernah mengadu ruang rumah sempit dan sebagainya”

Norsiah



PELBAGAI kemudahan asas disediakan DBKL di PPR meringankan urusan harian penduduk.

MENANTI RUMAH PPR DBKL

Syukur bayar RM124 sebulan

(17.07.2023) mmm 1 P3

sediakan oleh DBKL sepanjang menetap di sini termasuk lif, surau, dewan komuniti, gerai makan, taman permainan dan parkir kenderaan.

“Tadika juga disediakan bagi memudahkan penduduk di sini menghantar anak-anak menerima pen-

didikan awal,” katanya.

Menurut Norsiah, dia hanya membayar RM124 sebulan untuk unit kediaman berkenaan.

“Saya memiliki enam anak dan seorang menantu. Semuanya tinggal bersama saya namun mereka tidak pernah mengadu ruang ru-

mah sempit dan sebagainya,” katanya.

Kata Norsiah, sepanjang menetap di PPR itu, hubungan dengan jiran juga baik.

“Kedua-dua jiran saya berbangsa India dan kami tidak pernah bermasam muka, malah sering me-

ngamalkan konsep tolong-menolong.

“Jika hujan melanda ketika mereka tiada di rumah, saya tidak kisah mengangkat jemurannya kerana bagi saya, kami sudah seperti adik-beradik,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Rosnani Ismail, 61, sudah menetap di PPR itu sejak 13 tahun lalu bersama suami dan anak-anak mereka.

“Sepanjang menetap di sini, saya melihat banyak fasiliti yang disediakan serta dinaik taraf oleh DBKL demi memastikan kesejahteraan penduduk,” katanya.

Katanya lagi, perluasan kawasan parkir yang dilaksanakan sekitar 2018 juga

memudahkan penduduk memarkir kenderaan.

“Pelaksanaan ruang parkir oleh DBKL itu membantu menampung jumlah kenderaan yang bertamabah,” katanya.

Pada masa sama, katanya, lokasi PPR yang strategik juga memudahkan dia sekeluarga untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain atau menghantar cucu ke sekolah.

“Pada usia saya ini, kemudahan stesen komuter dan bas percuma di kawasan perumahan ini membantu saya untuk pergi membeli barangan keperluan harian dengan lebih mudah,” katanya.